

KOMUNIKASI BUKAN LISAN DALAM PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB SECARA DALAM TALIAN

Nur Adila Kamarudin

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Nik Mohd Rahimi

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author's Email: p103957@siswa.ukm.edu.my

Article history:

Received : 25 February 2022

Accepted : 25 March 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran memerlukan kepada komunikasi antara guru dan murid. Komunikasi bukan lisan merupakan elemen yang penting dan perlu berjalan seiringan dengan komunikasi lisan lebih-lebih lagi melibatkan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti komunikasi bukan lisan dalam pengajaran guru bahasa Arab secara dalam talian serta hubungannya dengan pengurusan pengajaran guru. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran borang soal selidik iaitu *google form* secara dalam talian. Responden kajian terdiri daripada 124 orang guru bahasa Arab yang bertugas dan berkhidmat di sekolah rendah sekitar daerah Kinta Selatan, Perak. Persoalan kajian terjawab dengan analisis deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS 22. Dapatkan kajian menunjukkan komunikasi bukan lisan secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi ($\text{min}=4.74$, $s.p.=0.39$). Dapatkan bagi persoalan yang kedua pula melibatkan kemahiran bukan lisan yang mendominasi pengajaran guru bahasa Arab dan dimensi persekitaran menunjukkan tahap yang paling tinggi iaitu ($\text{min}=4.81$, $s.p.=0.37$). Seterusnya, analisis melalui ujian Korelasi Pearson juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara amalan kemahiran bukan lisan guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab ($r=0.463$, $p<0.01$). Dapatkan kajian ini telah memberikan implikasi terhadap amalan kemahiran bukan lisan dalam pengajaran guru serta dasar latihan guru sama ada dalam kalangan guru pelatih dan guru di peringkat sekolah menengah ataupun rendah. Kesimpulannya, amalan kemahiran bukan lisan ini memberi kesan yang positif terhadap pengajaran guru lebih-lebih lagi secara dalam talian. Hal ini mampu membantu murid untuk memahami isi pengajaran serta arahan yang ingin disampaikan oleh guru secara lebih berkesan.

Kata Kunci : komunikasi bukan lisan, bahasa Arab, dalam talian, pengurusan pengajaran guru

NON – VERBAL COMMUNICATION IN TEACHING OF ARABIC LANGUAGE THROUGH ONLINE PLATFORM

ABSTRACT

Teaching and learning require communication between teachers and students. Non-verbal communication is an important element and should go hand in hand with verbal communication especially when involving the teaching of Arabic through online medium. This study aims to identify teachers non -verbal communication in the teaching of Arabic language as well as its relationship with teaching management. This study is a survey study by using a quantitative approach through the distribution of online questionnaires. Respondents of the study consisted of 124 Arabic language teachers who served in primary schools around the district of Kinta Selatan, Perak. Research

questions were answered with descriptive and inferential analysis using SPSS 22. Findings showed that non -verbal communication as a whole was at a high level (mean = 4.74, s.p. = 0.39). Meanwhile, findings for the second question find that environmental dimension showed the highest level of mean (mean = 4.81, s.p. = 0.37) that dominate Arabic language teachers non -verbal skills. Analysis through Pearson Correlation test also showed that there was a moderate and significant positive relationship between teachers non -verbal skills practice with Arabic language teaching management ($r = 0.463, p < 0.01$). Findings of this study have provided implications on the practice of non -verbal skills in teacher teaching as well as teacher training policy either among trainee teachers and teachers at the secondary or primary school level. In conclusion, the practice of these non-verbal skills has a positive impact on teacher especially when teaching arabic through online medium as it will help students to understand the arabic contents and instructions more effectively.

Keywords: non -verbal communication, Arabic, online, teacher teaching management

PENDAHULUAN

Komunikasi bukan hanya sekadar menyampaikan sesuatu penyampaian, malah ianya berperanan sebagai salah satu wasilah untuk penutur memberi kefahaman yang jelas kepada pendengar. Penyampaian boleh dilakukan dan diamalkan melalui simbol-simbol dan pergerakan anggota badan tertentu yang dikenali sebagai komunikasi bukan lisan. Semasa berkomunikasi, kandungan mesej perlu dititikberatkan supaya komunikasi berfungsi dengan lebih berkesan. Kemahiran bukan lisan (KBL) ataupun dinamakan bahasa tubuh merupakan salah satu proses pertukaran maklumat ataupun informasi menggunakan tingkah laku seseorang. Contoh mudah KBL dalam kehidupan seharian ialah, sekiranya kita ingin mengucapkan terima kasih mestilah akan diiringi dengan senyuman. Senyuman tersebut adalah contoh komunikasi bukan lisan dimana ianya melengkapai komunikasi penutur tersebut. KBL merupakan salah satu komunikasi yang sangat penting dalam pengajaran bahasa Arab lebih-lebih lagi melibatkan murid sekolah rendah. Hal ini kerana murid sekolah rendah tidak mampu fokus dalam jangka masa yang panjang ketika pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) berlangsung. Pada era pandemik Covid 19 yang melanda seluruh pelusuk dunia termasuklah negara kita Malaysia, maka pengajaran atas talian sangatlah penting untuk menggantikan pengajaran bersemuka di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu mempunyai kemahiran dalam berkomunikasi dengan murid secara dalam talian supaya maklumat dan bahan pengajaran yang ingin disampaikan dapat disalurkan dengan lebih berkesan walaupun secara alam maya menggunakan aplikasi *google meet, teams* dan sebagainya.

Ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, terdapat dua bentuk amalan komunikasi yang digunakan. Komunikasi yang dimaksudkan ialah komunikasi lisan dan bukan lisan. Dua komunikasi ini merupakan amalan terpenting yang terdapat dalam pengajaran sama ada mengajar pada peringkat sekolah rendah ataupun peringkat yang lebih tinggi. Kemahiran ini perlu dikuasai dan diamalkan oleh guru dengan baik ketika proses PdPr berlangsung. Banyak kajian lepas yang membincangkan berkaitan dengan kandungan pengajaran Bahasa Arab tanpa mengaitkan cara penyampaian yang berkesan. Banyak kajian daripada kalangan para sarjana yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Namun berdasarkan tinjauan literatur yang telah dijalankan adalah tertumpu kepada kajian tentang kaedah, strategi, teknik pengajaran dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan kajian pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sahaja tanpa mengaitkan KBL dalam pengajaran. Walaupun KBL dianggap penting dalam pengajaran bahasa namun kajian berkaitan KBL kurang mendapat perhatian dan dititikberatkan. Selain itu, tidak banyak kajian yang dibincangkan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran iaitu PdPc di dalam kelas. Namun begitu masih belum ada kajian yang mengaitkan KBL dengan aspek guru iaitu mampu memberikan keberhasilan yang positif dalam pengajaran guru sepanjang PdPr. Oleh itu kajian ini sangat penting untuk mengetahui pengajaran bahasa Arab menggunakan KBL dan kesannya kepada pengurusan pengajaran guru secara dalam talian.

Seterusnya, menurut Nordin Halias et al (2017) menyatakan bahawa para sarjana pendidikan memandang peri pentingnya KBL dalam pengajaran guru berbanding komunikasi lisan terutamanya ketika pengajaran di dalam kelas berlangsung. Hal ini kerana secara keseluruhannya, 93 peratus tumpuan komunikasi adalah kepada mesej KBL dimana kekerapan penggunaannya dalam komunikasi sehari-hari sangat meluas. Seorang pendengar yang baik akan memberikan 55 peratus perhatiannya terhadap isyarat bahasa badan, 38 peratus kepada perubahan nada suara guru, dan 7 peratus lagi terhadap kandungan lisan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa komunikasi dua hala yang berkesan antara guru dan murid (Halias, Ismail & Baharudin, 2017). Hal ini bermaksud, sekiranya komunikasi antara guru dan murid tidak berlaku dengan baik, maka pengajaran tidak akan berjalan dengan berkesan kerana antara ciri pengajaran berkesan adalah memerlukan penglibatan dua hala dan penglibatan aktif murid-murid. Meskipun KBL penting, kepentingannya sering sahaja dikesampingkan malah sering disalah anggap. Hal ini terjadi kerana KBL disalah anggap sebagai satu bentuk komunikasi yang hanya boleh digunakan oleh seseorang yang cacat pendengaran serta tidak dapat digunakan dan diaplikasikan oleh manusia yang normal. Tanggapan ini sepatutnya ditangkis supaya guru dan murid tidak salah faham terhadap penggunaan KBL dalam pengajaran kerana menurut Nordin (2017) menyatakan bahawa komunikasi bukan lisan memberi kesan kepada hasil pembelajaran murid melalui aspek kognitif, afektif dan psikomotor murid.

Secara umumnya, sumbangan dan kepentingan kajian KBL ini meliputi seluruh aspek pendidikan seperti memantapkan pedagogi melibatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru dalam PdPr, membantu guru untuk mencapai objektif pengajaran serta mampu membina afektif guru semasa mengajar bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga mampu membantu guru dalam pengajaran untuk lebih termotivasi dan sentiasa bersemangat dalam pengajaran dan seterusnya mampu membantu murid dari segi penguasaan ilmu pengetahuan berkenaan bahasa Arab.

Sumbangan kajian ini dapat diberikan juga kepada institusi dimana ia akan menjadi rujukan kriteria latihan komunikasi guru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan seterusnya lain-lain institusi yang melibatkan latihan guru. Menguasai KBL ini sangat penting untuk guru bahasa Arab kerana ia bukan sahaja mampu membantu pengajaran guru, bahkan membantu guru untuk mencapai objektif yang telah digariskan sepanjang pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berjalan. Seterusnya, dari aspek profesionalisme keguruan pula, kajian ini diharapkan mampu memberi satu panduan yang efektif kepada guru kearah membina komunikasi interpersonal yang lebih berkesan kepada murid. Hasil kajian dan penulisan dari ahli psikologi dan komunikasi membuktikan bahawa komunikasi berkesan adalah menggunakan KBL dalam pengajaran guru. Hal ini jelas membuktikan bahawa KBL merupakan satu amalan utama dan sangat penting dalam mewujudkan hubungan interpersonal berkualiti dengan murid. Pedagogi guru boleh ditambah baik supaya masalah murid lemah dalam bahasa Arab atas alasan tidak memahami arahan dan penerangan guru ketika di dalam kelas dapat dielakkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini melihat secara empirikal hubungan antara kemahiran bukan lisan dengan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Melalui kajian ini juga, sumbangan terhadap data empirikal dapat dibekalkan untuk penambahbaikan kemahiran pengajaran dalam kalangan guru di Malaysia.

Terdapat tiga tujuan yang difokuskan dalam kajian ini. Antara tujuan kajian ialah yang pertama mengenal pasti jenis KBL yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian, kedua mengidentifikasi jenis KBL yang mendominasi komunikasi pengajaran guru bahasa Arab secara dalam talian dan yang terakhir ialah menjelaskan hubungan antara amalan KBL guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian.

Tujuan ini dibina bagi menjawab persoalan kajian iaitu :

- i) Apakah jenis KBL yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian?
- ii) Apakah jenis KBL yang mendominasi komunikasi pengajaran guru bahasa Arab secara dalam talian?
- iii) Adakah terdapat hubungan signifikan antara amalan KBL guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian?

Selain itu juga, satu hipotesis no1 telah dinyatakan sebelum memulakan kajian ini iaitu “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan KBL guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian”.

TINJAUAN LITERATUR

KBL Secara dalam Talian

Bagi mewujudkan proses pengajaran yang lebih efektif demi mencapai hasil pembelajaran lebih baik dan berkesan, para sarjana pendidikan memandang betapa pentingnya amalan kemahiran komunikasi bukan lisan (KBL) berbanding kemahiran lisan dalam pengajaran guru. Apabila seseorang guru yang banyak bercakap serta menggunakan syarahan yang terlalu panjang, maka tahap ingatan murid untuk mengingati apa yang diperkatakan oleh guru sangat sukar. Hal ini kerana kemungkinan besar murid tidak memberi tumpuan sekiranya guru hanya menekankan kepada kemahiran lisan semata-mata. Menurut Halias et, al. (2017) menyatakan bahawa 80% KBL lebih menekankan gerakan muka, badan, mata, penampilan fizikal, bau, jarak dan penggunaan nada suara dalam pengajaran.

Proses pengajaran guru sangat berhubung rapat dengan hasil pembelajaran yang akan diperoleh oleh murid (Noorafini et al. 2017). Kegagalan dalam pencapaian objektif pengajaran guru dan hasil pembelajaran murid adalah disebabkan kelemahan dalam penyampaian guru semasa proses pengajaran berlangsung. Oleh itu guru perlu sentiasa berusaha menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan. Guru akan berhadapan dengan permasalahan dengan pengajaran lebih-lebih lagi pengajaran secara dalam talian. Hal ini kerana pengajaran atas talian mempunyai cabaran yang tersendiri serta memerlukan kemahiran dan pengetahuan guru tentang cara ataupun inisiatif yang perlu dilakukan. Menurut Azhan (2019) menyatakan bahawa tonggak kepada keberkesaan pengajaran dan pemudahcaraan guru adalah melalui kemahiran komunikasi bukan lisan (KBL). Oleh kerana pembangunan teknologi maklumat dan pengaruhnya terhadap amalan pendidikan, maka pelaksanaan komunikasi ini perlu dikuasai oleh guru secara dalam talian. Oleh itu, guru yang mengajar secara bersemuka di dalam kelas perlu memperbaiki kelemahan dalam kemahiran KBL terlebih dahulu kerana pengajaran akan menjadi bertambah sukar sekiranya proses PdPc dijalankan secara dalam talian.

Jenis- Jenis KBL dalam Pengajaran

Kajian ini memfokuskan kepada enam jenis Kemahiran Bukan Lisan (KBL) iaitu ekspresi wajah, penampilan fizikal, kinesik, paralinguistik, persekitaran dan kronemik. Jenis yang pertama ialah melibatkan ekspresi wajah dimana ianya merupakan jenis komunikasi bukan lisan yang paling umum digunakan. Bahkan, kita mampu mengetahui maklumat yang akan disampaikan oleh orang lain dengan hanya melihat ekspresi wajahnya sebelum penutur mengeluarkan kata-kata. Reaksi sosial ketika sedang berkomunikasi dengan manusia melalui ekspresi wajah merupakan salah satu cara yang penting dalam menyampaikan maklumat. Justeru komunikasi melalui pesanan teks akan menyebabkan salah faham mudah berlaku berbanding kita berkomunikasi secara bersemuka. Ekspresi wajah dalam konteks pengajaran bahasa Arab secara dalam talian juga sangat penting dalam membantu guru sepanjang PdPr. Pengajaran atas talian dianggap sangat mencabar kerana ianya bersifat sesuatu yang baru kepada guru serta murid. Oleh itu, guru pertama sekali perlu membuka video ataupun kamera sepanjang pengajaran supaya PdPr menjadi lebih berkesan. Ekspresi wajah guru akan kelihatan sekiranya guru membuka kamera sepanjang PdPr berlangsung. Maka murid dapat melihat ekspresi wajah guru sepanjang PdPr berlangsung.

Selain itu, penampilan fizikal seseorang juga merupakan aspek penting dalam KBL. Masyarakat pada masa kini amat mementingkan penampilan fizikal iaitu dari cara berpakaian, pemilihan gaya rambut, warna pakaian yang kita kenakan dan sebagainya. Penampilan mampu menentukan reaksi, interpretasi, hingga penilaian kita terhadap orang lain. Menurut Noor Shamsinar (2019) menyatakan bahawa penampilan fizikal merupakan jenis KBL yang perlu dititikberatkan dalam pengajaran kerana ianya memberikan keyakinan kepada guru untuk tampil kemas di hadapan murid. Oleh itu, PdPr bukan halangan kepada guru untuk berpakaian kemas dan perwatakan yang

sesuai dengan objektif pada hari tersebut. Sebagai contoh, untuk subjek bahasa Arab tahun 5, murid didedahkan dengan perkataan berkaitan dengan aktiviti kurikulum di sekolah. Oleh itu, guru boleh berpakaian unit uniform sebagai tarikan untuk murid.

Seterusnya, kinesik juga merujuk kepada gerakan dan gestur tubuh. Komunikasi bukan lisan yang paling mudah dibaca ialah merujuk kepada gerakan tubuh. Menurut Raden (2018) menyatakan bahawa gerakan kinesik melibatkan anggota tubuh seseorang dari kepala hingga ke kaki. Menunjuk, menggoyang, melambai dan mengangkat tangan merupakan antara contoh komunikasi bukan lisan menggunakan gestur tubuh. Contoh-contoh ini merupakan perbuatan yang sering kita lakukan ketika berkomunikasi lebih-lebih lagi ketika sesi pengajaran berlangsung. Jenis KBL yang lain pula merujuk kepada paralinguistik. Menurut Yunus (2017) menyatakan bahawa paralinguistik merupakan salah satu jenis KBL yang penting dalam berkomunikasi. Bahasa Arab sangat mementingkan jenis komunikasi paralinguistik dalam pengajaran kerana bahasa Arab mempunyai kemahiran mendengar, membaca dan bertutur. Murid tidak akan mendapat pengajaran yang sempurna sekiranya guru tidak mengaplikasikan KBL ini dengan baik. Sebagai contoh, kandungan dalam pengajaran bahasa Arab mempunyai tanda bacaan panjang, pendek dan sebagainya. Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan bacaan supaya murid mengetahui cara bacaan yang betul.


Selain itu juga, persekitaran juga merujuk kepada artifaktual. Susun atur perabot yang kemas, reka bentuk yang tersusun dan teratur, pencahayaan, pengudaraan, pemandangan yang menenangkan dan tona warna sesuai merupakan contoh persekitaran fizikal yang kondusif di dalam kelas. Walaupun pengajaran dijalankan secara dalam talian, guru perlu memastikan murid berada dalam keadaan yang selesa dan sedia untuk menerima ilmu dan pengetahuan yang baru supaya penyampaian dapat disampaikan dengan lebih tepat dan jelas. Akhir sekali, jenis komunikasi bukan lisan ialah berkaitan dengan kronemik. Jenis KBL kronemik juga menjadi salah satu jenis KBL bahasa Arab iaitu ianya melibatkan tempoh dan pengurusan masa. Kronemik membincangkan bagaimana guru mampu mengkaji, menyusun, menghargai, menggunakan, mentafsir serta bertindak dalam pengurusan masa. Dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) juga memerlukan guru untuk merancang pengajaran mengikut masa yang telah ditetapkan. Oleh itu guru perlu bijak dalam merancang serta mengaplikasikan perancangan tersebut dengan sistematik.

Jadual 1 : Istilah KBL dalam pengajaran secara dalam talian

Bil	Istilah yang digunakan	Skop Kajian
1	Ekspresi wajah	Berkaitan ekspresi wajah yang diserlahkan ketika berkomunikasi
2	Penampilan Fizikal	Berkaitan penampilan fizikal seseorang seperti cara berpakaian, pemakaian tudung.
3	Kinesik	Berkaitan gerakan dan penggunaan anggota badan seperti gerakan tangan, kepala
4	Paralinguistik	Berkaitan variasi suara yang digunakan seperti suara tinggi, rendah dan tekanan suara
5	Artifaktual/ persekitaran	Berkaitan persekitaran dan susun atur perabot
6	Kronemik	Berkaitan penggunaan dan pengurusan masa ketika pengajaran berlangsung

Model Komunikasi Pengajaran


Satu model komunikasi telah dikemukakan oleh Lau dan Chan (1972) yang menunjukkan gabungan antara komunikasi bukan lisan dan bukan lisan. Guru yang berkualiti dilihat daripada kemampuannya untuk menyampaikan ilmu kepada murid-muridnya secara berkesan. Seorang guru perlulah cekap serta bijak untuk memanipulasikan gabungan kemahiran lisan dengan bukan lisan untuk membantu meningkatkan interaksi antara guru dan murid ketika proses pengajaran berlangsung.



Rajah 1 : Model Komunikasi Pengajaran (Sumber :Lau & Chan, 1972)

Kajian ini juga adalah bagi mengisi jurang penyelidikan berkenaan dengan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Kajian berkaitan komunikasi ini telah dijalankan oleh Nordin bin Halias pada tahun 2016 yang membincangkan berkaitan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama tanpa membincangkan berkaitan dengan KBL secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini lebih memfokuskan kepada pengajaran guru secara dalam talian disebabkan keadaan semasa yang mementingkan pengajaran secara dalam talian.

Satu kerangka konsep telah dibentuk berdasarkan KBL dibincangkan di atas. Berdasarkan Rajah 2 di bawah, pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini merujuk kepada jenis komunikasi bukan lisan manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah pengajaran guru.



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik kepada guru-guru bahasa Arab sekolah rendah yang berkhidmat di PPD Kinta Selatan, Perak. Pemilihan bagi kaedah kuantitatif ini juga dikaji dan dianalisis dengan merujuk kajian lampau untuk menilai kesesuaianya kerana setiap reka bentuk mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Set soal selidik tinjauan yang digunakan dalam kajian ini dibina secara adaptasi dimana soal selidik yang digunakan bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian serta faktor sosiobudaya setempat. Soal selidik ini digunakan untuk mengenal pasti jenis amalan KBL guru serta pengurusan pengajaran guru dalam bahasa Arab.

Populasi dan Persampelan

Populasi dalam kajian ini adalah semua guru bahasa Arab yang bertugas di sekolah rendah di sekitar Kinta Selatan, Perak. Pemilihan populasi ini adalah kerana pengkaji masih belum menjumpai kajian terdahulu yang mengkaji bahasa bukan lisan dalam kalangan guru bahasa Arab secara dalam talian. Jumlah keseluruhan populasi kajian ini adalah seramai 180 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen dalam kajian ini pula menggunakan borang soal selidik atas talian (*Google Forms*) yang terbahagi kepada tiga (3) bahagian. Bahagian A mengandungi item soalan berkaitan maklumat demografi responden yang merangkumi jantina serta pengalaman mengajar bahasa Arab. Bahagian B pula berkaitan dengan amalan KBL guru yang mempunyai 6 item utama merangkumi item ekspresi wajah, penampilan fizikal, kinesik, paralinguistik, persekitaran dan kronemik. Bahagian C pula berkaitan dengan pengurusan pengajaran guru iaitu merangkumi pedagogi, objektif pengajaran serta afektif guru. Item di Bahagian A soal selidik adalah berbentuk tertutup manakala Bahagian B dan Bahagian C soal selidik adalah berbentuk skala likert lima mata. Pilihan bagi kedua bahagian ini bermula dari “sangat tidak setuju” (1), “tidak setuju” (2) diikuti dengan “agak setuju” (3), “setuju” (4) dan “sangat setuju” (5).

DAPATAN KAJIAN

Demografi Kajian

Kajian ini telah melibatkan 124 orang guru bahasa Arab sekolah rendah yang berkhidmat di Daerah Kinta Selatan, Perak. Majoriti guru yang menjawab borang soal selidik ini adalah dalam kalangan guru perempuan iaitu seramai 91 orang (73.4%) berbanding guru lelaki yang hanya menjawab seramai 33 orang (26.6%). Tempoh pengalaman mengajar bahasa Arab juga berbeza-beza mengikut pengalaman dan kemahiran guru-guru di sekolah. Dari segi pengalaman guru, guru yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun paling ramai iaitu 55 orang (44.4%) diikuti oleh guru yang berpengalaman 7 hingga 10 tahun seramai 37 orang (29.8%). Guru yang mempunyai pengalaman kurang dari 3 tahun pula mencatatkan bilangan guru yang paling minimum iaitu seramai 13 orang (10.5%). Akhir sekali, untuk soalan yang melibatkan pengalaman pengajaran guru secara dalam talian, semua guru iaitu seramai 124 orang pernah menjalankan sesi pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Hal ini mungkin disebabkan oleh pembelajaran pada musim pandemik yang menggalakkan guru untuk meneruskan pengajaran secara dalam talian.

Analisis secara deskriptif dan inferensi digunakan ketika mendapatkan dapatan dalam kajian ini. Penganalisisan data menggunakan SPSS 22 ini melibatkan analisis deskriptif untuk mendapatkan min, kekerapan, sisihan piawai dan peratusan. Dalam kajian ini, demografi responden seperti jantina, jenis KBL yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab menggunakan statistik deskriptif. Selain itu, analisis deskriptif yang menggunakan min, kekerapan dan peratus juga digunakan bagi menjawab persoalan pertama dan kedua kajian. Bagi menjelaskan skor min, kajian ini menggunakan interpretasi skor min dan tahap yang disarankan oleh Oxford (1990) iaitu nilai 1.0- 2.4

(rendah), 2.50- 3.4 (sederhana), 3.5- 5.0 (tinggi). Bagi analisis inferensi pula, korelasi pearson telah digunakan dalam kajian ini bagi menjawab persoalan ketiga kajian iaitu adakah terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan amalan KBL guru bahasa Arab dengan pengajaran guru. Kekuatan korelasi antara boleh ubah di klasifikasikan berdasarkan Frankel dan Wallen (2003).

Komunikasi Bukan Lisan Dalam Pengajaran Guru Bahasa Arab Secara dalam talian

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian pertama yang telah dinyatakan pada bab 1 :

Persoalan Kajian 1 : Apakah jenis KBL yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian?

Jadual 2 Jenis KBL yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab

Dimensi	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ekspresi Wajah	✓	0	0	115 (30.9%)	257 (69.1%)	4.69	0.42	Tinggi
Penampilan Fizikal	0	0	0	128 (34.4%)	244 (65.6%)	4.66	0.40	Tinggi
Kinesik	✓	0	0	111 (29.8%)	261 (70.2%)	4.70	0.40	Tinggi
Paralinguistik	✓	0	0	88 (22.8%)	383 (77.2%)	4.77	0.37	Tinggi
Persekutaran	✓	0	0	71 (19.1%)	301 (80.9%)	4.81	0.37	Tinggi
Kronemik	✓	0	0	79 (21.3%)	293 (78.7%)	4.79	0.38	Tinggi
Tahap Keseluruhan	0	0	0	26.4%	73.6%	4.74	0.39	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif yang menunjukkan nilai min, sisihan piawai serta interpretasi jenis KBL yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Terdapat 6 jenis KBL yang digunakan dalam kajian ini iaitu ekspresi wajah, penampilan fizikal, kinesik, paralinguistik, persekitaran serta kronemik. Ekspresi wajah mencatatkan peratusan 30.9% setuju dan 69.1% sangat setuju. Dimensi penampilan fizikal pula mencatatkan peratusan 34.4% dan 65.6% sangat setuju manakala kinesik menunjukkan peratusan 29.8% setuju dan 70.2% untuk sangat setuju. Seterusnya, 22.8% setuju dan 77.2% sangat setuju pada dimensi paralinguistik. Peratusan persekitaran pula mencatatkan 19.1% setuju serta 80.9 % sangat setuju. Dimensi yang terakhir iaitu kronemik menunjukkan peratusan setuju 21.3% dan sangat setuju 78.7%.

Jenis KBL yang mendominasi komunikasi pengajaran guru Bahasa Arab secara dalam talian

Persoalan Kajian 2 : Mengidentifikasi jenis KBL yang mendominasi komunikasi pengajaran guru bahasa Arab secara dalam talian.

Jadual 3 Jenis KBL yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ekspresi Wajah	4.69	0.42	Tinggi
Penampilan Fizikal	4.66	0.40	Tinggi
Kinesik	4.70	0.40	Tinggi
Paralinguistik	4.77	0.37	Tinggi
Persekutaran	4.81	0.37	Tinggi
Kronemik	4.79	0.38	Tinggi
Tahap Keseluruhan	4.74	0.39	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif yang menunjukkan nilai min, sisihan piawai serta interpretasi jenis KBL yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab secara dalam talian. Tahap keseluruhan yang ditunjukkan pada rajah tersebut menunjukkan pada tahap yang tinggi ($\text{min}=4.74$, $s.p.=0.39$). Berdasarkan analisis yang dibuat, dimensi persekitaran menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu ($\text{min}=4.81$, $s.p.=0.37$) diikuti dengan dimensi kronemik iaitu ($\text{min}=4.79$, $s.p.=0.38$), dimensi paralinguistik ($\text{min}=4.77$, $s.p.=0.37$), dimensi kinesik ($\text{min}=4.70$, $s.p.=0.40$) dan diikuti dengan dimensi ekspresi wajah ($\text{min}=4.69$, $s.p.=0.40$). Dimensi yang paling terakhir ialah penampilan fizikal iaitu ($\text{min}=4.66$, $s.p.=0.42$). Kesemua dimensi KBL menunjukkan interpretasi dan tahap yang tinggi dan hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Arab di sekitar Kinta Selatan mengamalkan KBL dalam pengajaran mereka secara dalam talian.

Analisis Korelasi Pearson Amalan KBL Guru Dengan Pengurusan Pengajaran Bahasa Arab Secara dalam talian

Ujian korelasi pearson telah digunakan untuk mengenal pasti hubungan di antara dua pemboleh ubah yang dikaji bagi menjawab persoalan kajian yang terakhir. Ujian korelasi ini juga bertujuan untuk menguji hipotesis nol kajian. Oleh itu, persoalan dan hipotesis kajian adalah seperti berikut :

Persoalan Kajian 3 : Adakah terdapat hubungan signifikan antara amalan KBL guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian ?

H₀1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan KBL Guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian.

Jadual 4 Hubungan antara tahap amalan KBL guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian

		Amalan KBL Guru	Pengurusan Pengajaran bahasa Arab
Amalan KBL Guru	Korelasi Pearson	1	.463**
	Sig. (2-hujung)		0.000
	N	124	124
Pengurusan Pengajaran bahasa Arab	Korelasi Pearson	.463**	1
	Sig. (2-hujung)	0.000	
	N	124	124

**. Signifikan pada aras keyakinan $p<0.01$ (2-hujung).

Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis bagi ujian korelasi pearson terhadap hubungan amalan komunikasi bukan lisan guru dengan pengurusan pengajaran. Berdasarkan jadual 4 tersebut, nilai korelasi pearson, $r= 0.463$, $p<0.01$, menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara amalan kemahiran bukan lisan guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab. Dalam erti kata lain amalan KBL guru dilihat dapat memberi pengaruh yang signifikan dan positif kepada pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian dalam kalangan guru sekolah rendah di sekitar Kinta Selatan Perak. Dapatkan ini secara langsung menolak hipotesis nol (H_01) kajian.

PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan ini bertujuan menilai tahap amalan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Banyak contoh amalan KBL yang boleh digunakan dalam pengajaran bahasa Arab. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya menggunakan enam saluran KBL yang sesuai dengan pengajaran secara dalam talian. Kajian ini dilakukan menggunakan soal selidik yang dimodifikasi sebagai instrumen kajian. Dapatkan ini menunjukkan guru bahasa Arab

menggunakan KBL semasa pengajaran mereka secara dalam talian berdasarkan analisis data yang telah dibuat. Hasil daripada analisis tersebut menunjukkan bahawa guru-guru bahasa Arab di seluruh negara secara keseluruhannya mempunyai kadar penggunaan KBL dalam pengajaran dan pembelajaran pada tahap kerap.. Tahun 2020 dan 2021 iaitu era pandemik covid19 menuntut serta memaksa guru untuk menggunakan platform pengajaran secara dalam talian sebagai salah satu wasilah menyampaikan pengajaran dan maklumat kepada murid-murid. Hal ini menyebabkan guru terpaksa mempelajari kemahiran serta komunikasi pengajaran dengan lebih berkesan dan efektif supaya Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dapat diteruskan dengan baik.

Amalan Komunikasi Bukan Lisan

Hasil kajian terhadap amalan komunikasi terhadap pengajaran guru bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan guru bahasa Arab mempraktikkan bahasa bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa pengajaran mereka. Seterusnya, selepas menyedari hakikat bahawa KBL memainkan peranan penting dalam setiap pengajaran, maka guru perlu sentiasa mempraktikkan KBL dengan berkesan sepanjang proses PdP. Guru perlu mahir melaksanakan pengajaran Bahasa Arab melalui komunikasi yang menyeronokkan serta menarik. Hal ini bagi mencapai hasil pembelajaran yang berkesan sekiranya murid melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan. KBL dilihat amat sinonim dalam proses pengajaran guru bahasa Arab kerana amalan ini dianggap salah satu kemahiran yang dapat menjadikan pengajaran guru lebih berkesan. Sesetengah murid menganggap pembelajaran bahasa Arab amat susah dan sukar untuk difahami. Oleh itu tanggapan ini boleh ditangkis dari pemikiran murid melalui KBL dalam PdP bahasa Arab. Hal ini kerana KBL berperanan menanam perasaan saling bekerjasama, nilai kasih sayang, hormat menghormati, kerjasama serta saling bersefahaman antara guru dengan murid (Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shahruddin, 2019), meningkatkan pengetahuan murid, memudah cara pengajaran guru serta mampu mengurangkan gangguan komunikasi yang akan berlaku sepanjang proses pengajaran. KBL turut memberi kesan positif dan langsung terhadap pembentukan sikap pelajar, motivasi dan hasil pembelajaran (Nordin Halias, 2017). Peningkatan motivasi dan minat murid dalam kajian beliau membuktikan bahawa KBL dalam pengajaran bahasa Arab memberi impak yang sangat besar terhadap pembelajaran murid dan pengajaran guru.

Amalan Komunikasi Bukan Lisan yang Mendominasi Pengajaran Bahasa Arab

Daripada enam amalan KNV yang digunakan dalam pengajaran bahasa Arab secara dalam talian, persekitaran mencatatkan kekerapan yang paling tinggi. Artifaktual iaitu merujuk kepada persekitaran seperti pencahayaan, suhu, pemandangan, susun atur perabot memberikan mesej secara nonverbal dan iaanya boleh menggalakkan serta mengendurkan komunikasi. Sekiranya pengajaran dijalankan secara bersemuka, kelas wajar disusun mengikut kesesuaian dan keselesaan murid untuk belajar. Contohnya, guru mewujudkan pemandangan serta persekitaran yang menyegarkan jiwa, pengudaraan yang segar, nyaman dan bersih dan sebagainya. Hal ini sama juga dengan keadaan pengajaran secara dalam talian. Oleh itu guru sangat menekankan serta menitik beratkan persekitaran murid sebelum dan semasa pengajaran berlangsung supaya murid dapat menyertai pembelajaran dengan baik dan berkesan walaupun secara dalam talian. Menurut Che Nidzam (2014) menyatakan bahawa kajian yang telah dilakukan ke atas persekitaran pembelajaran menunjukkan terdapat hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan hasil pembelajaran murid dari pelbagai aspek seperti keselesaan, kepuasan, pencapaian atau kejayaan murid.. Seterusnya, guru perlu memastikan murid dalam persekitaran yang baik dan kondusif supaya pengajaran boleh dilakukan secara baik. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam keadaan yang selesa dan menyeronokkan walaupun pengajaran berlaku secara dalam talian. Dalam konteks kajian yang telah dibuat, persekitaran fizikal yang dikaji adalah daripada aspek pencahayaan, ruang pembelajaran perabot dan pengudaraan yang baik dalam bilik darjah. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa pengajaran secara bersemuka mementingkan aspek persekitaran, apatah lagi sekiranya pembelajaran secara dalam talian.

Selain itu, ibu bapa menjadi rujukan penting kepada anak-anak semasa berada di rumah. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang sangat penting bagi mewujudkan suasana pembelajaran

yang sesuai dan kondusif untuk anak-anak di samping membimbing mereka untuk mengamalkan cara pembelajaran yang betul dan berkesan. Sekiranya persekitaran di rumah semasa PdPr bahasa Arab dalam keadaan yang baik, maka objektif serta kemahiran yang ingin diberikan oleh guru akan disempurnakan dengan baik dan efektif. Oleh itu, kajian ini sangat menyokong kajian yang lepas berkaitan KBL. Akhir sekali, guru seharusnya cakna terhadap aspek persekitaran fizikal seperti latar belakang skrin, pencahayaan, warna serta pemandangan semasa sesi PdPr. Aspek artifaktual juga merupakan elemen KBL yang perlu diberi perhatian yang serius oleh guru walaupun pengajaran berlaku secara dalam talian. Guru yang prihatin terhadap elemen-elemen ini akan memberi kesan kepada dirinya sendiri dan emosi murid di samping mempengaruhi proses PdPr kerana persekitaran yang cantik, kemas dan tersusun secara tidak langsung membantu murid untuk minat dalam Bahasa Arab.

Hubungan Antara Amalan KBL Guru Dengan Pengurusan Pengajaran Bahasa Arab Secara dalam talian

Analisis daripada dapatan kajian menunjukkan terhadap hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara amalan komunikasi bukan lisan guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Dalam erti kata lain amalan KBL dilihat dapat mempengaruhi pengurusan pengajaran dari segi pedagogi, objektif serta afektif guru bahasa Arab. Menurut Noor Shamshinar (2020) dalam kajiannya berkaitan gaya penyampaian guru bahasa Arab dan kepentingan KBL menyatakan bahawa KBL telah dikenalpasti sebagai satu elemen dalam kemahiran mengajar yang membantu serta membolehkan guru mempertingkatkan kualiti pengajaran dan minat murid di bilik darjah. Guru yang komited terhadap pelaksanaan elemen-elemen yang terdapat dalam KBL akan menjadikan pengajaran bahasa Arabnya lebih berkesan. Sekiranya guru mempunyai keupayaan pedagogi yang tinggi juga turut menyumbang kepada penguasaan dan prestasi bahasa Arab murid. Murid akan lebih berminat dan tertarik mengikuti pengajaran guru tersebut sekiranya guru mempunyai keupayaan untuk memupuk rasa ingin belajar dalam diri murid (Mushir Ahmad, 2016).

IMPLIKASI KAJIAN

Aspek amalan kemahiran bukan lisan yang diamalkan oleh seorang guru bahasa Arab adalah berhubung secara langsung dengan amalan pengurusan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Jesteru, kajian ini mampu memberi implikasi terhadap latihan serta amalan pengajaran guru sepanjang pengajaran secara dalam talian. Secara umumnya, sumbangan dan kepentingan kajian KBL ini meliputi seluruh aspek pendidikan seperti memantapkan pedagogi yang melibatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru dalam PdPr, membantu guru untuk mencapai objektif pengajaran serta mampu membina afektif guru semasa mengajar bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini juga mampu membantu guru dalam pengajaran untuk lebih termotivasi dan sentiasa bersemangat dalam pengajaran serta mampu membantu murid dari segi penguasaan ilmu pengetahuan berkenaan bahasa Arab. Sekiranya guru mampu menyampaikan isi pengajaran dengan berkesan, maka murid akan memahami kandungan yang ingin disampaikan oleh guru tersebut serta kawalan kelas juga dapat dikawal dengan baik oleh guru. Hal ini sama suasanya ketika pengajaran secara dalam talian, sekiranya guru mampu menyampaikan pengajaran dengan komunikasi yang berkesan, maka kawalan kelas secara dalam talian juga dapat dikendalikan dengan mudah. Akhir sekali, kajian ini juga dapat memberi implikasi terhadap institusi dimana ianya akan menjadi rujukan kriteria latihan komunikasi guru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan seterusnya lain-lain institusi yang melibatkan latihan guru. Menguasai KBL ini sangat penting untuk guru bahasa Arab kerana ianya bukan sahaja mampu membantu pengajaran guru, bahkan membantu guru untuk mencapai objektif yang telah digariskan sepanjang pengajaran dan pembelajaran di atas talian berjalan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan kajian lanjutan juga penting kepada pengkaji yang akan datang untuk menyambung atau mengambil idea dalam melaksanakan kajian seterusnya. Terdapat beberapa cadangan yang boleh disenaraikan, antaranya melakukan kajian lanjutan secara lebih luas dan mendalam berkaitan kemenjadian serta persepsi murid terhadap kemahiran bukan lisan guru dalam pengajaran. Murid boleh menilai jenis komunikasi yang paling berkesan kepada dirinya supaya dapat membantu mereka dalam memahami pembelajaran dalam bahasa Arab. Selain itu juga, mempelbagaikan kaedah kajian juga boleh dijadikan cadangan kajian lanjutan. Hal ini kerana kajian ini hanya menggunakan kaedah kuantitatif semata-mata iaitu soal selidik. Oleh itu, kaedah kualitatif seperti pemerhatian pengajaran guru secara dalam talian kerana KBL melibatkan pengajaran guru yang memerlukan pemerhatian yang lebih mendalam, temu bual dan sebagainya boleh digunakan untuk cadangan kajian lanjutan bagi mendapatkan data yang lebih pelbagai. Akhir sekali, kajian lanjutan yang boleh dijalankan ialah dengan mengkaji hubungan serta keberkesanannya komunikasi bukan lisan dengan lughatul fasl (bahasa kelas) dalam pengajaran bahasa Arab. Lughatul fasl sangat penting dalam pengajaran guru bahasa Arab di dalam kelas. Oleh itu kajian seterusnya boleh mengaitkan antara kedua elemen tersebut bagi membantu pengajaran guru sama ada di dalam kelas ataupun secara dalam talian.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah mengkaji amalan komunikasi bukan lisan guru dalam pengajaran bahasa Arab dan hubungan antara amalan komunikasi bukan lisan guru dengan pengurusan pengajaran bahasa Arab secara dalam talian. Melalui dapatan kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa wujud hubungan yang positif dan signifikan antara kedua pemboleh ubah ini. Selain itu, kajian ini dapat memberi implikasi terhadap pengajaran guru lebih-lebih lagi dalam era baharu yang memerlukan pengajaran berlaku secara dalam talian. Oleh itu, guru perlu sentiasa mempraktikkan bahasa bukan lisan dalam pengajaran supaya amalan tersebut dapat membantu pengajaran guru sama ada dari segi pedagogi, merancang dan mencapai objektif pengajaran serta membantu membina afektif guru yang sentiasa positif. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kefahaman yang lebih jelas kepada murid-murid sekolah rendah dalam memahami setiap isi dan info pengajaran dalam bahasa yang asing terhadap diri mereka iaitu bahasa Arab.

RUJUKAN

- Chua, Y.P. (2014). *Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Education Ed ke-2. McGraw-Hill Education.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih, & Mohd Hairy Ibrahim. (2014). *Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaan Pengajaran Dan Pembelajaran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shahruddin. .(2019). *Analisis Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Amalan Komunikasi Bukan Lisan dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab*. Jurnal Melayu. Bil. 18 (2) 2019.
- Halias, N., Ismail, Z., & Baharudin, H. (2017). *Komunikasi bukan lisan dalam pengajaran bahasa Arab*. Bangi: UKM.
- Mushir Ahmad. (2016). *Amalan Pengajaran Berkesan Guru Bahasa Arab di Pahang*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan. UM.
- Nor Azhan. (2019). *Isu Pelaksanaan Komunikasi Bukan Lisan Melalui Pengajaran Atas Talian Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab*. 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 || eISBN 978-967-2122-82-1).
- Noor Shamshinar. (2019). *Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Bukan Opsyen Dalam Pengajaran Bahasa Arab (Nonverbal Communication Skills: A Study Among Non-Option Trainee Teachers In Teaching Arabic Language)*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal. of Education Vol. 3, No.2 (2019), 1-10| eISSN: 600-7622.

- Noor Shamshinar. (2020). Kepentingan Komunikasi Bukan Lisan Dan Gaya Penyampaian Guru Bahasa Arab Secara Dalam Talian. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. UKM, Bangi Selangor.
- Raden. (2018). *Maksud bahasa Nonverbal jenis kinesik pada masyarakat etnis jawa dalam upacara adat pernikahan di Wonosari: suatu kajian pragmatik*. Yogyakarta.
- Yunus Winoto. (2017). *Memahami Aspek Paralinguistik Dalam Kegiatan Penyuluhan Perpustakaan*.
- P-ISSN : 2089-6549 E-ISSN : 2582-2182.